

27 JUN 1996

Mahathir>Nama

ORANG ASING CUBA MEMBURUKAN NAMA SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, banyak rencana di media asing dan juga sebuah buku baru yang ditulis oleh seorang penulis barat menyalahkan beliau bagi semua masalah Malaysia.

" Saya banyak membaca rencana dan buku yang ditulis mengenai saya baru-baru ini. Saya dianggap sebagai iblis dan jin. Saya tidak tahu mengapa orang putih begitu marah dengan saya," kata beliau kepada pemberita selepas pulang bercuti selama 17-hari di luar negara.

" Semuanya menyalahkan saya, termasuk masalah defisit imbalan pembayaran dan pembinaan projek-projek menglomania. Seolah mereka tak buat menglomania," katanya.

Perdana Menteri berkata, kuasa-kuasa asinglah yang bertanggungjawab membuat kapalterbang serta mempunyai tentera yang besar dan memaksa negara-negara membangun membeli senjata moden mereka.

" Habis duit kita membeli senjata moden mereka..," kata beliau.

" Saya boleh boleh membatalkan pembelian senjata daripada mereka, kita hanya membeli pistol atau senjata kecil ...apatah lagi kita tidak mahu berperang dengan sesiapa," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, mereka terus menjual senjata mereka kepada setiap negara dan jika negara-negara itu membelinya mereka akan bercakap mengenai perlumbaan senjata pula.

" Saya tidak faham kebencian mereka terhadap saya termasuk rencana dalam Financial Times," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, keputusan yang diambil oleh kerajaan Malaysia bukan keputusan beliau sendiri tetapi tanggungjawab bersama Kabinet.

" Saya boleh menjamin anda ada kalanya Kabinet tidak bersetuju dengan saya dan saya terpaksa menurut mereka," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyatakan yang beliau terpaksa keluar daripada mesyuarat Kabinet jika projek-projek yang dibincangkan berkaitan dengan orang yang mempunyai tali persaudaraan dengannya.

" Saya diusir keluar daripada mesyuarat Kabinet. Sehingga ini saya belum pernah melihat mana-mana Perdana Menteri sebelum ini keluar semasa mesyuarat kabinet tidak kira apa yang berlaku".

Beliau berkata kejayaan ekonomi Malaysia menyebabkan media barat tertentu iri hati.

" Apa yang ditulis oleh mereka mengenai Malaysia secara amnya tidak adil," kata beliau lagi. -- BERNAMA

AU PR